

02/02/1998

30 kaunter kendali pelaburan wanita

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Ahad - Sebanyak 30 kaunter akan dibuka di Pusat Dadangan Dunia Putra pada 8 Februari ini, untuk membolehkan orang ramai, terutama wanita melabur dalam Pelaburan Ehsan Wanita yang ditubuhkan oleh Wanita Barisan Nasional (BN).

Kaunter itu akan dibuka mulai 10 pagi sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan dana itu di tempat yang sama kira-kira jam 3 petang.

Penubuhan dana itu yang bertujuan membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, mendapat kerjasama Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Managers Bhd.

Menurut Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pihaknya akan membuka kaunter yang sama di seluruh negara tidak lama lagi bagi menerima pelaburan.

Beliau berkata, Wanita Umno juga akan menganjurkan kempen dan seminar di tempat tertentu bagi menimbulkan kesedaran di kalangan wanita mengenai dana itu dan faedahnya.

Katanya, simpanan minimum individu dalam dana itu ialah RM100, manakala tiada had bagi simpanan maksimum.

Memberitahu pemberita pada hari terbukanya sempena Aidilfitri di Kampung Selamat, Tanjung Api, di sini hari ini, Zaharah berkata, dana itu tidak tertumpu kepada wanita saja, malah turut membabitkan lelaki berusia 18 tahun ke atas.

"Pada masa ini, kita mengutip wang tunai saja manakala barangan kemas akan dilakukan pada peringkat lain kerana memerlukan beberapa pakar bagi menilai emas."

"Kita menganggarkan lebih 3,500 wanita BN dan wanita yang sedar mengenai tanggungjawab membantu kerajaan akan menjadi kumpulan pertama membuat pelaburan pada hari pelancaran itu," katanya.

Siti Zaharah berkata, dana itu dijangka dapat membantu memulihkan ekonomi negara dan menggalakkan amalan menabung di kalangan wanita.

Beliau berkata, wang kutipan itu akan dialirkan dalam syarikat dana profesional sebaik saja ia diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, tidak lama lagi.

"Dalam keadaan sekarang, wanita harus menunjukkan kepada kerajaan bahawa mereka juga boleh menggerak dan mengumpulkan sumber masing-masing untuk membantu kerajaan," katanya.

Menjawab soalan, Siti Zaharah berkata, pelabur berpeluang menikmati pelbagai faedah jangka panjang seperti kemudahan insurans, pinjaman perniagaan dan pendidikan.

Kutipan dalam dana itu akan dilaburkan, termasuk dalam sektor hartanah dan pasaran saham.

(END)